

**Parlimen: Permohonan Terhadap Program Sara 1Malaysia Melebihi Sasaran
Bernama
10 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Sambutan terhadap Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (Sara 1Malaysia) begitu memberangsangkan dengan lebih 100,000 permohonan diterima sehingga 21 Mac untuk menyertai skim tersebut sejak dilancarkan Januari lepas, Dewan Rakyat diberitahu Selasa.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) berkata status terkini skim tersebut memaklumkan bahawa 62,427 permohonan Sara 1Malaysia telah diluluskan.

Kepada cadangan Mohamed agar skim itu diperluaskan bagi meliputi sehingga satu juta isi rumah memandangkan ia membawa manfaat besar kepada rakyat, Lim berkata beliau akan memanjangkan cadangan itu kepada Menteri Kewangan untuk pertimbangan.

Sara 1Malaysia diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membantu 100,000 isi rumah berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan di negara ini terlibat dalam pelaburan untuk menjana pendapatan tambahan.

Program yang diuruskan Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) itu memberi jaminan pulangan antara RM5,000 hingga RM13,000 selepas lima tahun.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658126>